

# ASNBNB Wakaf

Laporan Tahunan  
2025



# Isi Kandungan

Muka surat

## ASNB Wakalah Sdn. Bhd.

03

- Maklumat Korporat
- Pengenalan ASNB Wakalah
- Perutusan Pengerusi
- Ahli Lembaga Pengarah
- Ahli Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP
- Struktur Organisasi

## Wakaf ASNB

11

- Pengenalan
- Konsep
- Kaedah Pengurusan
- Kelebihan
- Terma dan Syarat
- Saluran

## Pencapaian 2025

18

- Prestasi Wakaf ASNB

## Dana Manfaat Wakaf

21

- Tentang Dana Manfaat Wakaf
- Pengurusan Agihan Dana Manfaat Wakaf
- Pengagihan Dana Manfaat Wakaf
- Agihan Manfaat Wakaf
- Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor:
  - Sektor Pendidikan
  - Sektor Pemerkasaan Komuniti
  - Sektor Kesihatan
  - Sektor Misi Kemanusiaan

## Aktiviti Wakaf ASNB

42

## Penyata Pengurus dan Penyata Kewangan Beraudit bagi Dana Manfaat Wakaf ASNB

48



**ASNB Wakalah Sdn. Bhd.**





## Maklumat Korporat

|                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|-------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Nama Syarikat                       | ASNB Wakalah Sdn. Bhd. (ASNB Wakalah)                                                                                                                                                                                                                                       |
| Pengiktirafan Mutawalli             | Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)                                                                                                                                                                                                                              |
| No. Pendaftaran Syarikat            | ASNB Wakalah Sdn. Bhd. 20212002976 (1403274-P)<br>Amanah Saham Nasional Berhad 197901003200 (47457-V)                                                                                                                                                                       |
| Alamat Berdaftar                    | Tingkat 91, Menara Merdeka 118,<br>Presint Merdeka 118, 50118 Kuala Lumpur<br>W.P. Kuala Lumpur                                                                                                                                                                             |
| Tarikh Penubuhan                    | 25 Januari 2021                                                                                                                                                                                                                                                             |
| Juruaudit Bebas<br>Penyata Kewangan | AKH & Partners PLT                                                                                                                                                                                                                                                          |
| Tugas Utama                         | Bertanggungjawab untuk mengumpulkan unit amanah ASNB yang diwakafkan dan melaksanakan pengagihan Dana Manfaat Wakaf kepada pihak yang layak melalui proses saringan dan memastikan dana wakaf ditadbirurus dengan telus dan efektif melalui usaha sama bersama pihak MAIWP. |



# Pengenalan ASNB Wakalah Sdn. Bhd.

ASNB Wakalah Sdn. Bhd. (ASNB Wakalah) ialah anak syarikat milik penuh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang ditubuhkan pada 25 Januari 2021 untuk mengurus perkhidmatan Wakaf ASNB yang membolehkan pemegang unit melaksanakan amal jariah melalui wakaf unit amanah.

ASNB Wakalah telah menjalin kerjasama strategik dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan diiktiraf sebagai Mutawalli bagi mengumpul, mengurus, dan mengagihkan manfaat wakaf unit amanah yang diwakafkan oleh pemegang unit, selaras dengan prinsip syariah dan tadbir urus yang telus.

Dana wakaf diagihkan kepada empat sektor utama, iaitu pendidikan, pemerkasaan komuniti, kesihatan dan misi kemanusiaan dengan keutamaan diberikan kepada golongan yang memerlukan.

Bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan dalam pengagihan Dana Manfaat Wakaf, ASNB Wakalah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP (JPWB). Jawatankuasa ini dianggotai oleh pakar-pakar berwibawa yang berpengalaman luas dalam bidang wakaf dan muamalat. Tanggungjawab utama jawatankuasa ini adalah memberikan nasihat strategik serta meluluskan projek-projek dan penerima Dana Manfaat Wakaf yang dikenal pasti. Jawatankuasa ini juga bertindak sebagai penasihat dalam isu-isu hukum berkaitan kepatuhan syariah, dasar, polisi, serta pengoperasian Dana Manfaat Wakaf.

Projek wakaf yang dicadangkan akan melalui proses saringan ketekunan wajar yang menyeluruh, untuk memastikan pematuan terhadap piawaian dan keperluan operasi yang ditetapkan. Salah satu keunikan utama perkhidmatan Wakaf ASNB adalah pengagihan dana manfaat yang terbuka kepada seluruh Malaysia, tanpa terhad kepada mana-mana negeri. Pendekatan ini sejajar dengan model perniagaan Wakaf ASNB, yang memberi peluang kepada semua pemegang unit ASNB di seluruh negara untuk menyumbang kepada golongan yang memerlukan, dengan manfaat yang boleh disalurkan di seluruh Malaysia.

ASNB Wakalah turut menyediakan Laporan Tahunan Wakaf ASNB yang memperincikan aktiviti pengumpulan dan pengagihan Dana Manfaat Wakaf. Melalui usaha ini, ASNB Wakalah kekal komited untuk menyemai nilai keberkatan, memperkukuh tanggungjawab sosial korporat, serta memberi impak positif yang berterusan kepada masyarakat dan pembangunan ummah.

# Perutusan Pengerusi

**Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin**  
Pengerusi ASNB Wakalah Sdn. Bhd.



Dengan penuh kesyukuran ke hadrat Illahi, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan usaha murni Wakaf ASNB sepanjang tahun 2025. Tahun ini menjadi satu lagi pencapaian penting bagi ASNB Wakalah dalam memperkukuh peranannya sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi ummah melalui pelaksanaan inisiatif wakaf yang mampan.

Sejak penubuhannya, ASNB Wakalah kekal komited dalam mengurus dan mentadbir Wakaf ASNB secara telus, berintegriti dan berlandaskan prinsip Syariah. Sepanjang tahun 2025, Wakaf ASNB mencatatkan pertumbuhan yang konsisten dengan jumlah kutipan wakaf sebanyak 21.63 juta unit amanah, disertai pertambahan 6,615 pewakaf baharu dalam kalangan pemegang unit ASNB yang memilih untuk melaksanakan amal jariah melalui pelaburan unit amanah mereka.

Selaras dengan mandat sebagai Mutawalli yang diiktiraf oleh MAIWP, ASNB Wakalah terus menyalurkan manfaat wakaf kepada masyarakat melalui empat sektor utama iaitu pendidikan, pemerkasaan komuniti, kesihatan dan misi kemanusiaan. Sepanjang tahun 2025, sebanyak 77 projek wakaf telah dilaksanakan di seluruh negara dengan jumlah agihan keseluruhan sebanyak RM2.95 juta, merangkumi pelbagai inisiatif sosioekonomi seperti pembinaan “Wakaf Solar Dome Dryer”, pembangunan sistem bekalan air bersih, serta penajaan skim perlindungan perubatan takaful kepada golongan yang memerlukan.

**“ASNB Wakalah komited dalam memartabatkan  
Industri wakaf sebagai platform utama bagi  
kesejahteraan ummah dan memperkukuh ekosistem  
keuangan sosial Islam.”**





**30,312  
Pewakaf**

**Jumlah  
Pewakaf**



**RM 98.56  
Juta**

**Unit Wakaf  
Terkumpul**



**RM 5.25  
Juta**

**Agihan Dana  
Manfaat Wakaf**

Kejayaan ini tidak mungkin direalisasikan tanpa sokongan padu para pewakaf, rakan strategik, pihak berkuasa agama serta masyarakat umum yang sentiasa meletakkan kepercayaan kepada ASNB Wakalah dalam memastikan setiap sumbangan wakaf diurus dan diagihkan secara berkesan serta berterusan. Komitmen ini turut diperkukuhkan melalui peranan ahli Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP (JPWB) yang memastikan setiap agihan dilaksanakan secara telus, berakauntabiliti dan menepati maqasid Syariah.

Menjelang tahun-tahun mendatang, ASNB Wakalah beriltizam untuk terus memperluas capaian Wakaf ASNB agar manfaatnya dapat dinikmati oleh lebih ramai penerima, di samping mempertingkatkan keberkesanan pengagihan bagi memastikan impak yang lebih menyeluruh dan lestari kepada masyarakat.

Akhir kata, saya menyeru agar amalan wakaf terus diperkasakan sebagai amal jariah yang berterusan. Inisiatif ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada masyarakat hari ini, malah meninggalkan legasi keberkatan untuk generasi akan datang.

**Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin**

Pengerusi ASNB Wakalah Sdn. Bhd.

# Ahli Lembaga Pengarah

## Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin

Pengerusi, ASNB Wakalah Sdn. Bhd.

### Pendidikan:

- Ph.D dalam Perundangan Islam, Universiti Edinburgh, United Kingdom.
- Sarjana Muda dengan Kepujian dalam Fiqh dan Usul al-Fiqh, Universiti Jordan, Jordan.

### Kepakaran:

- Syariah
- Pasaran Modal Islam
- Kewangan Islam
- Perbankan dan Takaful



## Fadzihan Abbas Mohamed Ramlee

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, ASNB

### Pendidikan:

- Sarjana Kejuruteraan (Kepujian) dalam Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Universiti Nottingham, United Kingdom.

### Kepakaran:

- Strategi
- Perumpukan Aset Strategik
- Unit Amanah

## Dr. Ahmad Basri Ibrahim

Ketua Pengurusan Syariah, PNB

### Pendidikan:

- Ph.D dalam Undang-undang Islam, Universiti Birmingham, United Kingdom.
- Sarjana Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia.
- Sarjana Muda dalam Perundangan Islam, Universiti Jordan, Jordan.

### Kepakaran:

- Fiqh dan Usul Fiqh
- Undang-undang Jenayah Islam
- Fiqh Al-Muamalat
- Sistem Politik Islam
- Maksim Perundangan Islam



# Ahli Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP

**Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin**

Pengerusi,  
ASNB Wakalah Sdn. Bhd.



**Fadzihan Abbas  
Mohamed Ramlee**

Ahli Lembaga Pengarah,  
ASNB Wakalah Sdn. Bhd.



**Dr. Ahmad Basri  
Ibrahim**

Ahli Lembaga Pengarah  
ASNB Wakalah Sdn. Bhd.



**Dr. Haji Razali  
Othman**

Ahli Jawatankuasa  
Wakaf (MAIWP)



**Dato' Selamat  
Paigo\***

Ketua Pengarah  
Jabatan Wakaf, Zakat  
dan Haji (JAWHAR)

\*Tempoh perkhidmatan telah tamat pada 18 September 2025 dan sehingga 31 Disember 2025, jawatan tersebut masih belum diisi kerana menunggu pelantikan baharu



**Mohd Fauzi  
Abidin**

Timbalan Ketua  
Pegawai Eksekutif  
(Pengurusan) MAIWP



# Struktur Organisasi



ASNB Wakalah adalah anak syarikat milik penuh ASNB dan merupakan sebahagian daripada Kumpulan PNB. ASNB Wakalah turut disokong melalui perkongsian perkhidmatan syarikat induk dalam operasi harian, pemasaran, tadbir urus dan lain-lain melalui jabatan-jabatan di ASNB dan PNB seperti berikut:

|                                     |                         |                           |
|-------------------------------------|-------------------------|---------------------------|
| Perakaunan Dana                     | Kewangan                | Produk                    |
| Teknologi                           | Perolehan               | Jualan & Pendedaran       |
| Pengurusan Syariah                  | Operasi ASNB            | Pemasaran dan Penjenamaan |
| Asurans Dalaman                     | Pematuhan dan Integriti | Risiko                    |
| Setiausaha Syarikat & Undang-Undang | Banca                   | Saluran Digital           |

# Wakaf ASNB



# Wakaf ASNB

## Pengenalan

Wakaf ASNB adalah platform inovatif yang membolehkan pemegang unit untuk mewakafkan pelaburan unit amanah ASNB mereka, melalui gabungan konsep pelaburan dan wakaf. Unit amanah yang diwakafkan oleh pemegang unit akan dipindahkan ke akaun wakaf dan dikekalkan sebagai pelaburan pokok. Hasil pulangan daripada pelaburan tersebut akan disalurkan kepada projek-projek wakaf. Ini bertujuan untuk memastikan dana wakaf tersebut boleh menyalurkan manfaat yang berterusan untuk kepentingan dan kesejahteraan ummah.

Unit amanah ASNB yang disumbangkan oleh pemegang unit akan kekal sebagai pelaburan pokok, dengan hanya pulangan hasil daripada pelaburan tersebut disalurkan kepada projek-projek wakaf yang memberi manfaat kepada pembangunan masyarakat dan ummah. Projek-projek ini akan dipilih dengan teliti, berdasarkan kepentingan negara dan sumbangannya kepada kesejahteraan rakyat.

Aspirasi ASNB adalah untuk menyediakan pengurusan kewangan yang menyeluruh kepada pemegang unit, bermula dari peringkat bayi hingga ke penghujung hayat mereka. Wakaf ASNB merupakan salah satu elemen penting dalam perkhidmatan pengurusan kewangan yang ditawarkan, yang membolehkan pemegang unit melaksanakan pelaburan yang membawa keuntungan di dunia dan akhirat, dengan tadbir urus yang efisien dan berkesan.

## Definisi

### Dari Segi Istilah

Merujuk kepada harta yang ditahan hak pewakaf ke atasnya, dengan menghalang sebarang urusan seperti jual beli, pewarisan, hibah, dan wasiat, sambil mengekalkan sumber fizikal harta tersebut. Ia disalurkan untuk tujuan kebajikan, dengan niat mendekatkan diri pewakaf kepada Allah S.W.T.

### Dari Segi Lughah (Bahasa)


Berhenti, menahan, atau menghalang





# Konsep Wakaf ASNB

Wakaf ASNB mengintegrasikan konsep pelaburan dan wakaf untuk memastikan sumbangan pewakaf memberi manfaat yang berterusan. Harta wakaf dalam perkhidmatan Wakaf ASNB berbentuk unit amanah yang bersifat kekal dengan menggunakan konsep wakaf Muabbad bagi memastikan aset wakaf tidak boleh dijual, dipindah milik, atau diwarisi, demi memastikan manfaat yang berkekalan.



# Kaedah Pengurusan Wakaf ASNB

1

## Pendaftaran Wakaf

Pemegang unit perlu memohon atau melaksanakan Wakaf ASNB melalui saluran pengedaran yang disediakan.




7

## Penyata dan Laporan Tahunan Wakaf

Setiap tahun, pewakaf akan menerima penyata dan laporan tahunan wakaf yang boleh diakses melalui laman sesawang rasmi.

# Kelebihan Wakaf ASNB



## Potongan Cukai Pendapatan

Pewakaf layak mendapat potongan cukai bagi jumlah yang diwakafkan tertakluk kepada 10% daripada pendapatan agregat pewakaf bagi tahun taksiran tersebut. Sumbangan Wakaf ASNB ini layak mendapat potongan cukai di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.



## Tadbir Urus Telus dan informatif

Pewakaf akan menerima laporan tahunan yang menyeluruh, meliputi maklumat jumlah dana wakaf yang terkumpul, pulangan pelaburan yang diperoleh daripada dana tersebut, serta agihan sumbangan kepada projek-projek wakaf. Setiap projek wakaf akan melalui proses ketekunan wajar yang komprehensif, termasuk penilaian pematuhan dan operasi, bagi memastikan penerima dan pengurus projek benar-benar layak untuk menerima sumbangan manfaat wakaf.



## Pengiktirafan Sebagai Mutawalli

ASNB Wakalah adalah institusi pengurusan wakaf yang diiktiraf sebagai Mutawalli oleh MAIWP dan bertanggungjawab untuk mengurus serta mentadbir perkhidmatan Wakaf ASNB, merangkumi proses pengumpulan dana wakaf dan pengagihan manfaat wakaf kepada projek-projek wakaf yang memberi impak berterusan.

### 7 Kelebihan Wakaf Melalui ASNB



## Agihan ke Seluruh Malaysia

Agihan Dana Manfaat Wakaf dilaksanakan meliputi seluruh negara kepada pelbagai golongan penerima dari pelbagai sektor.



## Dana Wakaf yang Berkekalan

Gabungan antara pelaburan dan wakaf, di mana dana yang diwakafkan dikekalkan untuk menjana pulangan pelaburan secara berterusan untuk disalurkan ke projek-projek wakaf yang memberi manfaat kepada masyarakat.



## Pelantikan Penerima Notis

Pewakaf boleh menamakan waris untuk menerima makluman berterusan berkaitan dana wakafnya selepas pewakaf meninggal dunia.



## Permohonan Mudah

ASNB menawarkan saluran permohonan wakaf secara dalam talian melalui portal dan aplikasi myASNB, serta menerusi rangkaian cawangan ASNB dan ejen bank yang terpilih.

# Terma dan Syarat



01

## Kelayakan Pemegang unit

- 18 tahun dan ke atas
- Waras dan tidak muflis



02

## Unit Amanah

- Semua unit amanah harga tetap sahaja
- Unit-unit milik penuh atau mutlak sahaja.
- Unit yang bercagar (pembiayaan) dan yang disekat untuk Hibah Amanah / Pengistiharan Amanah tidak dibenarkan.



03

## Jumlah Minimum

- 1,000 Unit atau RM1,000



04

## Jumlah Maksimum

- Tiada had.
- Pemegang unit perlu mengekalkan baki minimum pelaburan tabung berkaitan (seperti yang terkandung dalam prospektus terkini)



05

## Had Maksimum Individu (ASB & ASB 2)

- Unit yang diwakafkan daripada Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) adalah termasuk dalam jumlah had maksimum pelaburan individu bagi kedua-dua unit dana tersebut.



06

## Konsep Wakaf Muabbad

- **Kekal:** Unit yang diwakafkan tidak boleh dipulangkan, dibatalkan, atau dipinda.
- **Pemindahan Milik:** Unit akan dipindah ke akaun MAIWP secara serta merta.
- **Hak Pewakaf:** Tuntutan semula tidak dibenarkan akan kerana hak pemilikan sudah tiada.



07

## Yuran Permohonan

- Tiada yuran



# Saluran

Permohonan Wakaf ASNB boleh dilaksanakan menerusi tiga saluran pengedaran iaitu:

1

**Cawangan ASNB  
seluruh negara**

**ASNB**



2

**myASNB**

Portal &  
Aplikasi mudah alih



3

**Cawangan Ejen  
ASNB**

Bank Muamalat




# Pencapaian 2025



# Prestasi Wakaf ASNB

## Unit Wakaf

Prestasi kutipan unit wakaf adalah amat memberangsangkan dengan catatan kutipan hampir mencapai 100 juta unit dalam tempoh 5 tahun perkhidmatan wakaf yang diperkenalkan sejak akhir tahun 2021.




Nota : 'J' merujuk pada juta

Rajah 1: Unit wakaf tahunan dan jumlah unit wakaf terkumpul sepanjang tahun operasi

## Pewakaf Baharu

Sepanjang 2021 hingga 2025, Wakaf ASNB mencatat pertambahan pewakaf baharu yang konsisten, mencerminkan peningkatan kesedaran dan keyakinan masyarakat terhadap wakaf ASNB merentas pelbagai kelompok umur.



Rajah 2: Bilangan pewakaf baharu dan jumlah pewakaf terkumpul sepanjang tahun operasi


# Prestasi Wakaf ASNB

## Unit Wakaf Mengikut Unit Amanah


Sejak pelancaran sehingga Disember 2025, jumlah keseluruhan unit wakaf terkumpul ialah sebanyak **98.56 juta** unit di mana majoritinya adalah daripada unit amanah ASB iaitu **78%**. Bagi tahun 2025, jumlah kutipan unit wakaf ialah sebanyak **21.63 juta** unit, dengan ASB mewakili **83%** daripada keseluruhan kutipan.

Bermula 1 Januari 2024, unit amanah harga berubah tidak lagi ditawarkan untuk Wakaf ASNB. Walau bagaimanapun, pengagihan pendapatan yang terjana daripada unit wakaf yang telah disumbangkan daripada unit amanah harga berubah sebelumnya masih akan terus diagihkan untuk projek-projek wakaf.

Rajah 3 : Unit wakaf terkumpul mengikut unit amanah



Rajah 4 : Kutipan unit wakaf mengikut unit amanah tahun 2025



## Pengagihan Pendapatan Mengikut Unit Amanah

Jumlah pengagihan pendapatan terkumpul yang diperoleh daripada jumlah keseluruhan kutipan wakaf adalah sebanyak **RM4.90 Juta** dengan agihan pendapatan ASB merangkumi **RM4.07 Juta**. Jumlah pengagihan pendapatan mengikut unit amanah adalah seperti yang ditunjukkan dalam graf berikut.

Rajah 5: Pengagihan pendapatan mengikut unit amanah tahun 2025





# Dana Manfaat Wakaf



# Tentang Dana Manfaat Wakaf

Dana Manfaat Wakaf ASNB merupakan pulangan berbentuk pengagihan pendapatan yang dijana daripada unit amanah yang diwakafkan, dan seterusnya diagihkan kepada projek-projek wakaf terpilih selepas ditolak yuran berkaitan. Agihan dana manfaat tertumpu kepada empat (4) sektor iaitu pendidikan, pemerkasaan komuniti, kesihatan dan misi kemanusiaan.

## Struktur Yuran

1

### Yuran Pentadbiran

6.5% daripada pengagihan pendapatan/bonus dana wakaf (jika ada)

2

### Yuran Mutawalli

5.0% daripada pengagihan pendapatan/bonus dana wakaf (jika ada)

3

### Yuran Perkhidmatan

RM15 setahun bagi setiap pewakaf akan ditolak daripada jumlah pengagihan pendapatan/ bonus dana wakaf yang terkumpul

Yuran ini akan hanya dikenakan berdasarkan hasil pengagihan pendapatan unit yang diwakafkan (Dana Manfaat) sebelum diagihkan kepada projek-projek wakaf yang diluluskan. Tiada yuran dikenakan pada unit asal atau pemegang unit yang ingin berwakaf.

Yuran tahunan merangkumi kos pentadbiran perkhidmatan dan mutawalli yang diperlukan untuk mengurus tadbir pengurusan dana wakaf ASNB untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan efisien kepada para pewakaf ASNB.



# Pengurusan Agihan Dana Manfaat Wakaf

Pemilihan projek wakaf atau penerima sumbangan Dana Manfaat Wakaf yang dilaksanakan adalah berdasarkan lima (5) proses utama yang terlibat dalam pengagihan Dana Manfaat Wakaf yang digunakan oleh ASNB Wakalah bagi memastikan agihan dilaksanakan dengan telus dan berkesan.

1

## Permohonan / cadangan

Setiap permohonan dana wakaf perlu disertakan dengan borang lengkap yang menyatakan tujuan dan objektif permohonan. ASNB Wakalah atau cawangan ASNB mempunyai hak untuk mencadangkan penerima yang sesuai.

2

## Semakan Permohonan dan Saringan Ketekunan Wajar

Setiap permohonan dan cadangan akan dinilai melalui saringan ketekunan wajar dari aspek kepatuhan syariah serta keberkesanan operasi sebelum dikemukakan kepada kumpulan agihan yang berkenaan untuk kelulusan.

3

## Keputusan Permohonan

Keputusan proses ketekunan wajar akan menentukan status permohonan sama ada dicadangkan, dalam pertimbangan, atau ditolak untuk pembentangan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP bagi kelulusan muktamad.

4

## Pengagihan Dana Manfaat Wakaf

Penyaluran dana wakaf boleh dilakukan dalam bentuk tunai, pindahan akaun bank, barangan, perkhidmatan, atau melalui kaedah lain yang ditentukan sesuai oleh ASNB Wakalah.

5

## Pemantauan dan Penilaian

Laporan berkala mengenai tadbir urus dan kemajuan projek hendaklah dikemukakan oleh pengurus projek kepada ASNB Wakalah. Penilaian berterusan memastikan keberkesanan pelaksanaan dan pengurusan dana wakaf.

# Pengagihan Dana Manfaat Wakaf

## Ringkasan Maklumat Pengagihan Manfaat Wakaf



Peruntukan Manfaat Wakaf tahun sebelumnya  
pada 1 Januari 2025

**RM2,601,374**



Peruntukan Manfaat Wakaf tahun semasa 2025

**RM3,880,221**



Jumlah Peruntukan Manfaat Wakaf

**RM6,481,595**



Agihan Manfaat Wakaf 2025 daripada  
peruntukan tahun sebelum dan tahun semasa

**(RM2,945,550)**




Peruntukan Manfaat Wakaf pada 31  
Disember 2025

**RM3,536,045**



# Agihan Manfaat Wakaf



Rajah 6 : Statistik agihan manfaat wakaf


Jumlah agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB menunjukkan peningkatan signifikan dari **RM1,638,390 pada tahun 2024 kepada RM2,945,550 pada tahun 2025.**

Kenaikan ini mencerminkan pertumbuhan sebanyak RM1,307,160 atau sekitar **79.8%**, menunjukkan prestasi dana wakaf yang semakin kukuh dan pengagihan yang lebih meluas kepada penerima.

Peningkatan tersebut dapat memberi gambaran jelas bahawa keyakinan dan sumbangan para pewakaf ASNB yang berterusan serta pengurusan dana yang berkesan telah menggalakkan pertumbuhan sumber Dana Manfaat Wakaf untuk diagihkan kepada pelaksanaan program wakaf dengan skala yang lebih besar dan impak yang lebih signifikan dalam komuniti.

# Agihan Manfaat Wakaf Mengikut Sektor


|                           |                    |
|---------------------------|--------------------|
| Pendidikan                | RM1,666,433        |
| Pemeriksaan Komuniti      | RM700,819          |
| Kesihatan                 | RM478,298          |
| Misi Kemanusiaan          | RM100,000          |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> | <b>RM2,945,550</b> |



Rajah 7: Dana manfaat mengikut sektor bagi tahun 2025

Nota: Terdapat satu (1) projek pada tahun 2024 di bawah sektor pemeriksaan komuniti berjumlah RM840.00 diagihkan pada tahun 2025.

## Entiti Penerima Agihan Wakaf



# Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

## Senarai Penerima Sektor Pendidikan

| Negeri                                                                                        | Senarai Penerima/Program                                                    |                                                                                                              | Jumlah Kelulusan |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| <br>Selangor | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia                                      | Pembiayaan kos penajaan Program Bantuan Kewangan untuk pelajar asnaf                                         | RM260,000        |
|                                                                                               | SMK Kuala Selangor, Selangor                                                | Pembiayaan kos pembinaan Surau Al-Kauthar                                                                    | RM200,000        |
|                                                                                               | Universiti Putra Malaysia (UPM)                                             | Sumbangan dana bagi melengkapkan keperluan surau Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi                         | RM50,000         |
|                                                                                               | Pertubuhan Pendidikan dan Kecemerlangan Anak-Anak Orang Asli (AJAR Society) | Pembiayaan kos elaun guru, yuran tutor, serta bahan pembelajaran dan buku latihan                            | RM23,500         |
|                                                                                               | PIBG SK Lembah Beringin, Kuala Kubu Bharu                                   | Pembiayaan kos pendawaian bilik komputer                                                                     | RM9,604          |
| <br>Johor  | SMK Senggarang , Johor                                                      | Pembiayaan kos pemasangan bumbung surau sekolah, kerja-kerja pemasangan karpet dan pemasangan sistem siaraya | RM200,000        |
|                                                                                               | Waqaf An Nur                                                                | Pembiayaan kos pembelian peranti/peralatan pembelajaran (Smart TV) untuk Sekolah Pendidikan Khas             | RM136,000        |
|                                                                                               | SK Pendidikan Khas Muar                                                     | Pembiayaan kos pembelian alatan pembelajaran bagi pelajar pendidikan khas                                    | RM10,000         |

# Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

## Senarai Penerima Sektor Pendidikan

| Negeri                                                                                                                | Senarai Penerima/Program                         |                                                                                                                                                                                                        | Jumlah Agihan |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| <br>Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Yayasan Didik Negara                             | Pembiayaan kos program Bilik Darjah Pintar/ 'Smart Classroom' (1 unit 'Smart Board') kepada 10 sekolah terpilih                                                                                        | RM120,000     |
|                                                                                                                       | Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) | Pembiayaan kos pembelian peranti/peralatan pembelajaran di dalam makmal komputer.                                                                                                                      | RM73,800      |
| <br>Negeri Sembilan                | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)       | Sumbangan 'Smart TV' bagi menyokong pembelajaran interaktif di Sekolah Rendah dan Menengah terpilih di Negeri Sembilan                                                                                 | RM142,500     |
|                                                                                                                       | Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)           | 1. Pembekalan komputer riba termasuk beg kepada 30 mahasiswa USIM terpilih (penerima bantuan zakat MAINS)<br>2. Sumbangan tabung pembangunan pendidikan USIM<br>3. Tajaan majlis iftar (berbuka puasa) | RM113,500     |
|                                                                                                                       | SMK Dato' Sedia Raja, Rembau                     | Pemasangan Karpit Surau                                                                                                                                                                                | RM9,500       |



# Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

## Senarai Penerima Sektor Pendidikan

| Negeri                                                                                       | Senarai Penerima/Program                                 |                                                                             | Jumlah Agihan |
|----------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------|---------------|
| <br>Perak   | Maahad Tahfiz AlQuran Addin Vokasional 20, Tanjung Bayan | Pembiayaan kos pembelian satu (1) unit van                                  | RM100,000     |
|                                                                                              | Pusat Pelajar Islam, Ipoh                                | Pembiayaan kos pembelian alatan pembelajaran bagi pelajar tadika            | RM9,885       |
|                                                                                              | SK Pendidikan Khas Taiping                               | Pembiayaan kos pembelian alatan pembelajaran bagi pelajar pendidikan khas   | RM5,000       |
|                                                                                              | SMK Kg Dato Ahmad Said, Ipoh                             | Pembiayaan kos pembelian dua (2) unit projektor dan dua (2) unit 'Smart TV' | RM4,000       |
| <br>Kedah | PIBG SK Rantau Panjang, Kuala Muda                       | Pembiayaan kos pembinaan pondok menunggu untuk murid sekolah                | RM25,000      |
|                                                                                              | PIBG SK Jeneri                                           | Sumbangan khemah dan kerusi untuk murid SK Jeneri                           | RM21,000      |
| <br>Sabah | SK Mansiat, Keningau                                     | Pembiayaan kos pembelian alatan pembelajaran persekolahan                   | RM10,000      |

# Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

## Senarai Penerima Sektor Pendidikan

| Negeri                                                 | Senarai Penerima/Program                           |                                                                                 | Jumlah Agihan      |
|--------------------------------------------------------|----------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------|--------------------|
| <div> <div></div> <div></div> <div>Pahang</div> </div> | PIBG Maahad Tahfiz Darul Ulum Al Basriyah, Kuantan | Pembiayaan kos penambahbaikan bumbung siling dewan makan                        | RM45,200           |
|                                                        | KYP Education Sdn Bhd                              | Pembiayaan kos pembelian peranti/peralatan pembelajaran untuk pelajar asnaf/B40 | RM37,918           |
|                                                        | PIBG SMK Abdul Rahman Talib, Kuantan               | Pembiayaan kos menaiktaraf kemudahan Surau Al-Mustaqim                          | RM20,000           |
|                                                        | SK Jalan Bahagia, Temerloh                         | Pembiayaan kos pembelian peralatan siaraya (PA System)                          | RM9,950            |
|                                                        | Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang              | Pembiayaan kos pembelian satu (1) unit 'Smart Board TV'                         | RM9,000            |
|                                                        | SK (F) Bukit Sagu 2, Kuantan                       | Pembiayaan kos pembelian enam belas (16) unit meja makan                        | RM8,096            |
|                                                        | PIBG SMK Nenasi, Pekan                             | Pembiayaan kos pembelian peranti/peralatan pembelajaran di dalam perpustakaan   | RM7,980            |
|                                                        | PIBG SMK Abdul Rahman Talib, Kuantan               | Pembiayaan kos membaikpulih lantai (Interlocking)                               | RM5,000            |
|                                                        | <b>Jumlah</b>                                      |                                                                                 | <b>RM1,666,433</b> |

# Bingkisan Pengagihan Projek Wakaf ASNB Sektor Pendidikan

## Pembinaan Surau Jumaat Bagi Warga Sekolah dan Komuniti

Rakan Strategik : SMK Kuala Selangor



**Jumlah Agihan**

**RM200,000**

**Penerima Agihan**

**SMK Kuala Selangor**

**Jenis Agihan**

**Pembinaan Surau**

Ulasan: Sebanyak RM200,000 telah diagihkah bagi tujuan pembinaan Surau Al-Kauthar melalui inisiatif kutipan daripada SMK Kuala Selangor.

Peruntukan ini digunakan bagi menampung kos pemasangan salur paip, saluran elektrik, serta kerja-kerja mengecat bagi melengkapkan pembinaan surau tersebut. Projek ini bukan sahaja menyediakan ruang ibadah yang lebih selesa dan kondusif kepada pelajar-pelajar dan kakitangan sekolah seramai 1,135 orang, malah berperanan penting dalam membentuk sahsiah pelajar melalui pengukuhan aktiviti keagamaan dan rohani. Surau ini juga telah mendapat pengiktirafan sebagai "Surau Jumaat" dan boleh dimanfaatkan penggunaan oleh komuniti berhampiran.

# Bingkisan Pengagihan Projek Wakaf ASNB Sektor Pendidikan

## Pembiayaan Program Bilik Darjah Pintar (Smart Classroom)

Rakan Strategik : Yayasan Didik Negara



### Jumlah Agihan

RM120,000

### Penerima Agihan

Yayasan Didik Negara

### Jenis Agihan


10 Unit Smart Board

Ulasan: Sejumlah RM120,000 daripada Dana Manfaat Wakaf telah disumbangkan kepada Yayasan Didik Negara bagi membiayai pelaksanaan Program Bilik Darjah Pintar (Smart Classroom). Melalui inisiatif ini, sebanyak 10 unit Smart Board telah disalurkan untuk kegunaan 10 sekolah terpilih sekitar negeri Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Melaka & Johor.

Program ini bertujuan memperkukuh kemudahan pembelajaran digital di sekolah-sekolah terpilih dengan menyediakan persekitaran bilik darjah yang lebih interaktif, moden dan seiring dengan keperluan pendidikan abad ke-21. Usaha ini diharap dapat meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran serta memperluas manfaat wakaf kepada pembangunan pendidikan negara.

# Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

## Senarai Penerima Sektor Pemerkasaan Komuniti

| Negeri                                                                                          | Senarai Penerima/Program                                                     |                                                                                                                                                          | Jumlah Agihan |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| <br>Malaysia   | Seikhlas Wakaf Seindah Ramadan<br><br>"30 masjid seluruh negara"             | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sumbangan peralatan (penyedut hampagas) bagi kegunaan masjid</li> <li>Tajaan kos iftar (berbuka puasa)</li> </ul> | RM113,625     |
| <br>Sabah      | Yayasan Ikhlas                                                               | Pembiayaan kos projek pembangunan sistem air bersih di Kampung Dagat, Sabah                                                                              | RM255,750     |
| <br>Melaka    | AIBIM MyWakaf / Majlis Agama Islam Melaka                                    | Pembiayaan kos pembinaan 'Wakaf Solar Dome Dryer'                                                                                                        | RM108,000     |
| <br>WPKL     | Sadaqa House (Bank Islam Malaysia Berhad)                                    | Pembiayaan kos penajaan Mikro iTEKAD BangKIT                                                                                                             | RM100,000     |
| <br>Kedah    | Lembaga Zakat Negeri Kedah                                                   | Pembiayaan kos pembinaan kilang padi di bawah Projek Hasan                                                                                               | RM80,000      |
| <br>Kelantan | Masjid Al-Ehsan Mukim, Kg Salak, Tanah Merah                                 | Pembiayaan kos pembelian peralatan/ kelengkapan masjid                                                                                                   | RM21,000      |
| <br>Johor    | Taman Sinar Harapan Tampoi                                                   | Pembiayaan kos pembelian alatan pembelajaran bagi pelajar pendidikan khas                                                                                | RM10,000      |
| <br>Pahang   | Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung-Kampung Paya Luas, Temerloh | Pembiayaan kos penyelenggaraan dan membaik pulih tandas gelanggang bola jaring dan futsal Kampung Paya Luas                                              | RM8,973       |



# Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

## Senarai Penerima Sektor Pemerkasaan Komuniti

| Negeri                                                                                          | Senarai Penerima/Program         |                                                                            | Jumlah Agihan    |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------|----------------------------------------------------------------------------|------------------|
| <br>Pahang     | Surau Al-Islah                   | Pembiayaan kos pembelian alatan bagi kegunaan surau                        | RM2,631          |
| <br>Terengganu | Surau Puteh Kampung Duyung Besar | Pembelian tiga (3) unit penghawa dingin dan dua (2) unit kipas pengudaraan | RM840            |
|                                                                                                 | <b>Jumlah</b>                    |                                                                            | <b>RM700,819</b> |

# Bingkisan Pengagihan Projek Wakaf ASNB Sektor Pemerkasaan Komuniti

## Pembangunan Sistem Air Bersih

Rakan Strategik : Yayasan Ikhlas



### Jumlah Agihan

RM255,750

### Penerima Agihan

Yayasan Ikhlas

### Jenis Agihan

Pembangunan sistem air bersih

Ulasan : Sejumlah RM255,750 diperuntukkan bagi pelaksanaan projek pembangunan sistem bekalan air bersih di Kampung Dagat, Sabah, sebagai usaha memperkukuhkan kesejahteraan komuniti luar bandar.

Projek ini amat signifikan bagi menggantikan sumber air sungai kepada sumber air mineral daripada galian tanah untuk lebih 200 penduduk kampung. Sumber air bukan sahaja terhad penggunaan kepada sendiri namun menjadi sumber utama dalam aktiviti ekonomi dalam menyediakan ais batu bagi tujuan penyimpanan sejuk beku hasil tangkapan udang sebelum dipasarkan ke bandar berdekatan yang mengambil masa lebih kurang 2 jam tempoh perjalanan.

# Bingkisan Pengagihan Projek Wakaf ASNB Sektor Pemerkasaan Komuniti



## Jumlah Agihan

RM108,000

## Penerima Agihan

AIBIM MyWakaf  
Majlis Agama Islam  
Melaka

## Jenis Agihan

Wakaf Solar  
Dome Dryer

Ulasan : Sejumlah RM108,000 diperuntukkan bagi pembinaan “Wakaf Solar Dome Dryer” dengan kerjasama AIBIM MyWakaf dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Projek inovatif ini bertujuan mengurangkan tempoh masa pengeringan hasil pertanian atau perikanan dengan suhu panas yang boleh dicapai hingga 40 hingga 70 darjah celsius pada satu-satu masa. Kaedah ini dapat meningkatkan produktiviti dan jumlah pengeluaran hasil serta produk bebas kuman dan berkualiti tinggi kepada 30 pengusaha dengan kadar pengeluaran sebanyak 300 kg (ikan kering) yang memberi pendapatan sehingga RM1,954 sebulan.

# Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

## Senarai Penerima Sektor Kesihatan

| Negeri                                                                                                                | Senarai Penerima/Program             |                                                                                                                       | Jumlah Agihan    |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| <br>Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Prudential BSN Takaful               | Pembiayaan kos penajaan skim perubatan pesakit luar melalui wakaf takaful                                             | RM150,000        |
|                                                                                                                       | Hospis Malaysia                      | Pembiayaan kos pembelian tabung oksigen di bawah program <i>"Every Breath Matters: Oxygen for Compassionate Care"</i> | RM60,000         |
| <br>Kelantan                       | Mercy Malaysia                       | Pembiayaan kos <i>'Primary Health Care Mobile Clinic for Indigenous Community in Kelantan'</i>                        | RM100,000        |
| <br>Pahang                         | Hospital Muadzam Shah                | Pembiayaan kos pembelian peralatan perubatan di hospital                                                              | RM87,600         |
|                                                                                                                       | Klinik Kesihatan, Bukit Goh, Kuantan | Pembiayaan kos pembelian peralatan perubatan di klinik                                                                | RM8,000          |
| <br>Sarawak                        | Hospital Limbang                     | Pembiayaan kos pembelian peralatan perubatan untuk Wad Pediatrik                                                      | RM72,698         |
|                                                                                                                       | <b>Jumlah</b>                        |                                                                                                                       | <b>RM478,298</b> |



# Bingkisan Pengagihan Projek Wakaf ASNB Sektor Kesihatan

## Amanah Medicare: Skim Perubatan Sakit Luar Melalui Wakaf Takaful

Rakan Strategik: Prudential BSN



### Jumlah Agihan

RM150,000

### Penerima Agihan

Prudential BSN

### Jenis Agihan

Takaful Skim Perubatan

Ulasan : Sejumlah RM150,000 diperuntukkan untuk projek Amanah Medicare membiayai takaful skim perubatan sakit luar bagi asnaf dan B40 yang disaring oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

Seramai 661 individu telah menerima manfaat ini dengan had maksimum perlindungan sebanyak RM300 bagi seorang atau setiap satu (1) individu untuk tempoh satu tahun. Jumlah keseluruhan projek ini adalah RM250,000 dengan kolaborasi sumbangan daripada Prudential berjumlah RM100,000.



# Bingkisan Pengagihan Projek Wakaf ASNB Sektor Kesihatan

## Klinik Bergerak Penjagaan Kesihatan Primer untuk Komuniti Orang Asli di Kelantan

Rakan Strategik: Mercy Malaysia



### Jumlah Agihan

RM100,000

### Penerima Agihan

Mercy Malaysia

### Jenis Agihan

Klinik Kesihatan Bergerak

Ulasan: Sejumlah RM100,000 telah diagihkan bagi membiayai kos pelaksanaan klinik penjagaan kesihatan bergerak oleh Mercy Malaysia. Sebanyak dua (2) buah kampung komuniti Orang Asli di Kelantan telah menerima manfaat dengan enam (6) kali kaunter kesihatan dijalankan sepanjang tahun 2025.

# Pengagihan Dana Manfaat Wakaf Mengikut Sektor

## Senarai Penerima Sektor Misi Kemanusiaan

| Negeri                                                                                                                                                                                          | Senarai Penerima/Program      |                                                                                        | Jumlah Agihan |
